



جباٰن ڪحاٰكيم شرعيٰه ماليٰسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 5 Zulkaedah 1421
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2001

Kod Etika Hakim Syarie

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9 – 11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung Kod Etika Hakim Syarie. Mulai 1 Mac 2001 Kod Etika Hakim Syarie akan terpakai ke atas semua Hakim-Hakim Syarie.

2. Bersama-sama ini disertakan Kod Etika Hakim Syarie untuk tindakan bagi pemakaian di negeri-negeri dan ianya hendaklah mula berkuatkuasa pada 2 Mei 2001.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
2 Februari 2001

KOD ETIKA HAKIM SYARIE

Ketua Hakim Syarie menetapkan kod etika yang berikut:-

Nama

1. Kod etika ini bolehlah dinamakan Kod Etika Hakim Syarie.

Pemakaian

2. (1) Kod Etika ini hendaklah terpakai kepada seseorang Hakim Syarie sepanjang tempoh perkhidmatannya.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika ini boleh menjadi suatu alasan bagi tindakan diambil di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.[P.U.(A)395/93]

Kod Etika di luar mahkamah

3. Seseorang Hakim Syarie tidak boleh –

(a) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak munasabah bahawa –

(i) dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas kehakimannya hingga menjelaskan kedudukannya sebagai seorang Hakim Syarie; atau

- (ii) dia telah menggunakan kedudukan kehakimannya bagi faedahnya sendiri;
- (b) berkelakuan dengan cara tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau boleh memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah Syariah;
- (c) membelakangkan tugas kehakimannya demi kepentingan persendirianya;
- (d) bergaul bebas dengan orang ramai dengan cara yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam tugas kehakiman;
- (e) menerima apa-apa hadiah, apabila hadiah tersebut dengan apa-apa cara berkaitan dengan pelaksanaan tugas kehakimannya;
- (f) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu tanpa di beri keizinan atau kebenaran yang nyata oleh Ketua Hakim Syarie;
- (g) memberi pendapat mengenai sesuatu perkara atau keadaan yang ianya sedang dibicarakan atau berkemungkinan akan menjadi suatu isu dalam mana-mana perbicaraan di hadapannya, kerana pendapatnya itu boleh kemudiannya digunakan oleh sesuatu pihak untuk menyokong hujahnya;
- (h) meminjam wang daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang –
 - (i) yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa kehakimannya; atau
 - (ii) yang dengannya dia ada atau mungkin ada urusan rasmi ;
- (i) mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik.

Kod Etika dalam Mahkamah

4. Apabila seseorang Hakim Syarie berada dalam Mahkamah dan mendengar sesuatu kes , dia hendaklah -
 - (a) melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;
 - (b) menjalankan tugas mengikut Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan;

- (c) tidak mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak tenang seumpama dia berkeadaan marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat;.
- (d) tidak boleh meninggalkan Mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;
- (e) memberi penghakimannya apabila dia berkeadaan tenang;
- (f) tidak membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat itu ialah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya sebagai seorang Hakim Syarie;
- (g) bertindak tegas dan adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
- (h) bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah-hujah dari pihak-pihak.;
- (i) memastikan prosiding di Mahkamah dijalankan dengan teratur menurut peraturan Mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan itu dapat berjalan dengan lancar;
- (j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;
- (k) memuliakan saksi-saksi;
- (l) memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam;
- (m) mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali di dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang;

Penyegeeraan penyelesaian kes

5. Hakim hendaklah bersungguh-sungguh dan tidak melengah-lengah tanpa alasan yang munasabah menyelesaikan kes-kes, memberi keputusan, menulis alasan penghakiman dan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dari masa ke semasa;

Waktu pejabat

6. Bagi maksud subperenggan 4(d) "waktu pejabat" ertinya waktu pejabat yang ditetapkan oleh negeri-negeri berkenaan.

Pengisytiharaan harta

7. Seseorang hakim syarie hendaklah pada masa pelantikannya atau pada bila-bila masa selepas itu mengisyiharkan harta kepada Ketua Hakim Syarie mengikut peraturan-peraturan yang terpakai.

Dibuat pada hb. 2000

DATO' SHEIKH GHAZALI B HJ ABDUL RAHMAN

Ketua Hakim Syarie JKSM